



Kerjaya Prospek raih kontrak RM256j di Shah Alam

PETALING JAYA: Syarikat pembinaan, Kerjaya Prospek Group Bhd. memperoleh kontrak bernilai RM256.4 juta daripada Eastern & Oriental Express Sdn. Bhd. (E&OE) untuk menjalankan kerjakerja pembinaan di Elmina West, Shah Alam, Selangor.

Kerjaya Prospek berkata, skop projek yang dimenangi melalui anak syarikat milik penuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd., termasuk pembinaan 360 unit rumah teres tiga tingkat, bersama sebuah kelab rumah, kerja landskap, dan infrastruktur berkaitan yang lain.

"Kontrak ini dilaksanakan berdasarkan asas jarak yang wajar dan terma komersial biasa. E&OE adalah anak syarikat tidak langsung Eastern and Oriental Bhd. (E&O), di mana beberapa pengarah dan pemegang saham utama Kerjaya mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung," katanya dalam satu pengumuman kepada Bursa Malaysia pada Isnin. Projek itu akan disiapkan dalam tiga fasa, dengan pembinaan dijadualkan bermula pada 20 Januari, dan dijangka siap dalam tempoh 26 bulan.

Dalam kenyataan berasingan, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Kerjaya Prospek, Tee Eng Tiong berkata, penambahan projek baharu itu membawa jumlah buku pesanan tertunggak kumpulan kepada RM4.2 bilion, yang akan memastikan keberlanjutan pendapatan untuk tiga tahun akan datang.

"Kemenangan projek baharu ini menggambarkan komitmen kami untuk memberikan nilai hebat kepada pemegang saham, sambil mengukuhkan kedudukan kami sebagai salah satu pemain utama dalam sektor pembinaan.

"Kami berharap dapat terus menyampaikan hasil yang cemerlang dan mengekalkan momentum pertumbuhan kami, seiring dengan permulaan tahun kewangan baru ini," katanya.